

Buruh ditahan sorok dadah dalam kotak rokok

16 Mei 2022

Buruh ditahan sorok dadah dalam kotak rokok



PASIR MAS - Polis merampas 405 biji pil yaba dan 0.18 gram heroin yang disorokkan di dalam kotak rokok selepas menahan seorang buruh dalam serbuan pada Sabtu.

Ketua Polis Daerah Pasir Mas, Asisten Komisioner Mohd Nasaruddin M Nasir berkata, semasa melakukan Ops Samseng Jalanan pada jam 6.30 petang, pihak polis telah terserempak dengan sebuah kenderaan jenis Proton Perdana yang dipandu dalam keadaan mencurigakan di Kampung Slow Machang, di sini.

"Anggota dari Balai Trafik Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Pasir Mas terus mengekori kereta tersebut dan bertindak menahan kereta yang dipandu oleh suspek di Kampung Gelong Gajah, Bunut Susu untuk siasatan lanjut.

"Bertempat di Balai Trafik Pasir Mas, anggota bertugas telah membuat pemeriksaan tubuh badan terhadap lelaki tersebut dan menjumpai satu kotak rokok berwarna merah dalam poket seluar sebelah kanan," katanya dalam kenyataan pada Ahad.

Menurutnya, hasil pemeriksaan telah menjumpai pil yaba sebanyak 405 biji dan heroin 0.18 gram yang dianggarkan bernilai RM4,085.

Beliau berkata, hasil saringan air kencing, suspek positif dadah jenis *methamphetamine* dan mempunyai lima rekod lampau.

Mohd Nasaruddin berkata, suspek mengaku dadah adalah miliknya dan memperoleh bekalan daripada seorang lelaki di Limbat, Pasir Mas.

Ujarnya, kali terakhir suspek mengambil bekalan dadah itu pada Sabtu di Kampung Gelong Gajah.

"Kes ini akan disiasat bawah Seksyen 39A(2) Akta Dadah Berbahaya 1952," jelasnya.

Polis merampas 405 biji pil yaba dan 0.18 gram heroin yang disorokkan di dalam kotak rokok selepas menahan seorang buruh dalam serbuan pada Sabtu.